



KENYATAAN MEDIA

SUKPAR 2026 KUMPUL 500 PESERTA, PERKUKUH SUKAN KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN

Kuala Lumpur, 26 APRIL 2026: Sukan Parlimen (SUKPAR) Wilayah Persekutuan 2026 dianjurkan semula secara fizikal selepas edisi 2021 dilaksanakan secara *virtual*, dengan fokus memperkukuh penglibatan sukan komuniti di peringkat akar umbi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh menerusi ucapan yang dibacakan oleh Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Encik Stuart Ramalingam di Arena Sukan Kuala Lumpur.

Seramai 500 peserta daripada 12 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan mengambil bahagian melibatkan Parlimen Kepong, Batu, Wangsa Maju, Segambut, Setiawangsa, Titiwangsa, Bukit Bintang, Lembah Pantai, Seputeh, Cheras, Bandar Tun Razak dan Putrajaya. Penganjuran SUKPAR di Labuan pula akan berlangsung pada 2 Mei 2026.

Edisi kali ini mempertandingkan futsal lelaki dan wanita, bola jaring serta pickleball beregu lelaki dan wanita, termasuk kategori khas pickleball bagi orang kurang upaya (OKU) sebagai sebahagian usaha memperluas penyertaan sukan secara inklusif.

“SUKPAR bukan sekadar kejohanan sukan tetapi platform yang menghimpunkan komuniti pelbagai latar belakang dan menggalakkan gaya hidup sihat melalui penyertaan aktif dalam sukan.”

Program ini turut berperanan sebagai saluran mengenal pasti dan mencungkil bakat baharu di peringkat akar umbi yang berpotensi diketengahkan ke peringkat lebih tinggi termasuk Sukan Malaysia (SUKMA).

Persiapan ke arah SUKMA 2026 di Selangor kini giat dilaksanakan dengan sasaran pencapaian lebih baik selepas Kontinjen Wilayah Persekutuan muncul Naib Juara keseluruhan pada edisi lalu.

MSWP akan terus memperkukuh pembangunan sukan komuniti sebagai asas melahirkan atlet berprestasi tinggi dan memastikan ekosistem sukan Wilayah Persekutuan kekal kompetitif.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan / maklumat tambahan, boleh hubungi Pegawai Penerangan MSWP, Jumiati binti Rosly (012-6548155).